



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 3/2021

PENANGGUHAN SESI KULIAH/KELAS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BAGI PERGERAKAN PULANG PELAJAR IPT SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Kenyataan Media daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 29 April 2021 adalah berkaitan.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan penangguhan sesi kuliah/kelas bagi pergerakan pulang pelajar UMK sempena cuti perayaan Aidilfitri tahun 2021.
3. Sepertimana yang dijadualkan dalam Kalendar Akademik UMK Semester Februari 2021/2022, berikut adalah tarikh pelaksanaan kuliah/kelas untuk perhatian:

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1.	Kuliah Februari (Bahagian Pertama)	14 Mac – 16 Mei 2021	8 Minggu
2.	Cuti Pertengahan Semester	7 Mei – 15 Mei	Termasuk Cuti Aidilfitri
3.	Kuliah Februari (Bahagian Pertama)	16 Mei – 17 Jun 2021	5 Minggu
4.	Cuti Ulangkaji	18 Jun – 26 Jun 2021	1 Minggu
5.	Peperiksaan Akhir Semester	27 Jun – 15 Jul 2021	3 Minggu

Sumber: Kalendar Akademik Semester Pengajian 2020/2021 UMK

4. Rentetan berhubung dengan pergerakan pulang pelajar IPT sempena cuti perayaan Aidilfitri yang ditetapkan masing-masing 7-12 Mei 2021 (Pergerakan pulang) dan 15 Mei – 20 Mei 2021 (Pergerakan kembali ke Kampus), warga UMK diminta untuk mengambil maklum bahawa sesi kuliah/kelas UMK akan ditangguhkan bagi memberi peluang kepada pergerakan pulang pelajar khususnya pergerakan pelajar UMK pada tarikh-tarikh berikut sahaja:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Pergerakan pulang ke kediaman pelajar	7 Mei – 8 Mei 2021 sahaja
2.	Pergerakan pelajar kembali ke Kampus	15 Mei – 16 Mei 2021 sahaja

Sumber: Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

5. Bagi sesi kuliah/kelas yang ditangguhkan, slot tersebut perlu digantikan mengikut ketetapan masa dan tarikh oleh para akademik pada waktu lain. Para pelajar diminta untuk mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan bagi melancarkan sesi kuliah/kelas pada masa akan datang.

6. Semua pelajar **WAJIB** menjalani ujian saringan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebelum bergerak pulang ke kediaman dan sebaik tiba di UMK selepas perayaan Aidilfitri. Sebarang pertanyaan, pelajar boleh merujuk kepada pihak Universiti dengan menghubungi talian seperti berikut:

Bil	Bahagian	No.Tel
1.	Bilik Gerakan Covid 19	09-7717033
2.	Bahagian Penginapan Pelajar	09-7797439
3.	Bahagian Pentadbiran Akademik	09-7797600

7. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung dengan perkara ini amat dihargai dan disudahi dengan ucapan terima kasih.


Sekian, harap maklum.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

4 MEI 2021

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar